

Kulim Berhad rai anak-anak istimewa

KOTA TINGGI 1 Nov. - Dalam usaha memberi galakan kepada keluarga anak-anak istimewa, Kulim (Malaysia) Berhad menganjurkan Program Semarak Kasih 2.0 yang dihadiri lebih 100 peserta di Pusat Latihan Kulim, di sini baru-baru ini.

Pengarah Eksekutif Kulim, Zulkifly Zakariah berkata, program itu merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat dalam memberikan pendidikan berkesan kepada anak-anak istimewa dan orang kurang upaya (OKU).

Katanya, program yang bertemakan Masyarakat Penyayang Lahir Bersama Tanggungjawab merupakan inisiatif Kulim dalam memberi penghormatan dan pengiktirafan kepada anak-anak istimewa dalam keluarga Unit Operasi Kulim.

“Program ini dapat memberi galakan kepada keluarga anak-anak istimewa yang terlibat untuk lebih bersikap positif dan berdikari dalam mengurus serta membantu memulihkan anak-anak mereka.

“Melalui program ini juga, secara tidak langsung mampu menjalin ukhuwah dan kerjasama yang erat antara pihak yang terlibat selain memberi pengetahuan lebih mendalam mengenai keistimewaan anak-anak ini,” katanya ketika ditemui selepas program itu.

Program Semarak Kasih 2.0 merupakan kesinambungan program yang dilakukan pertama kali di Ladang Sindora, Kluang pada 2013.